

TARIKH	11 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	26	RUANGAN	News

320 bakal haji terima cenderamata daripada Kifayah

SUNGAI PETANI 10 Sept. - Jawatankuasa Pembangunan, Kebaikjanaan dan Pengurusan Fardu Kifayah, Tanah Perkuburan Islam Sungai Petani (Kifayah) menghulurkan sumbangan cenderamata kepada 320 peserta Kursus Haji Perdana 2012 di Dewan Wawasan Jitra daerah Kubang Pasu, baru-baru ini.

Sumbangan itu disampaikan Pengerusinya, Ali Yahya selaku Penyelaras Parlimen Sungai Petani di Masjid Muzafar Shah di sini.

Setiausahanya, Zainol Abidin Abdul Hamid berkata, sumbangan itu diharap dapat mengerat hubungan baik dengan bakal-bakal haji di daerah Kuala Muda yang bakal bertolak ke Mekah pada 17 Septembér ini.

“Langkah yang diambil Tabung Haji negeri ini dalam memberi ilmu kepada bakal-bakal haji amatlah dihargai.

“Kami juga tidak ketinggalan memberi sedikit cenderahati sebelum mereka menyertai kursus ini,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Tabung Haji daerah Kuala Muda, Shabudin Abu Bakar berkata, langkah Kifayah berkenaan amat baik bagi meningkatkan motivasi bakal jemaah haji.

“Semasa menjalani kursus tambahan itu, peserta perlu menghayati dengan penuh minat dan perlu banyak bersabar kerana banyak cabaran bakal ditempuhi sebelum mereka berada di tanah suci Mekah nanti,” katanya.



ALI YAHYA (kanan) menyampalkan cenderamata sumbangan Kifayah kepada salah seorang bakal jemaah haji di Sungai Petani, baru-baru ini.